

**PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATUK AHMAD MOHAMED
IBRAHIM DAN PROFESOR EMERITUS DATUK DR. OSMAN BAKAR
KAJIAN KONSEPTUAL TERHADAP PROFIL DAN SUMBANGAN
TOKOH**

Aemy Elyani Mat Zain
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
aemyelyani@kuis.edu.my

Nik Md Saiful Azizi Bin Nik Abdullah, 'Aisyah Binti Anzaruddin, Nooranissa Binti Ramlee
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan dua tokoh intelektual Malaysia iaitu Profesor Ahmad Ibrahim dan Profesor Osman Bakar dari sudut latar belakang, sumbangan dan karya tokoh dalam bidang ilmu dan Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua tokoh ini menyumbangkan kepakaran masing-masing dalam bidang ilmu dan Islam yang berbeza. Bahkan keduanya memberikan impak yang besar dalam konteks Malaysia.

Kata Kunci: Alam Melayu, Tokoh intelektual, Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim Dan Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar

Pengenalan

Alam Melayu atau Nusantara memiliki keunikan yang tersendiri sama ada dari segi khazanah ilmu dan juga kepelbagaian etnik, bangsa, bahasa dan agama. Begitu juga, keunikan pada alam Melayu ini juga terserlah dengan munculnya tokoh-tokoh yang berpengaruh dalam pelbagai bidang ilmu. Tokoh-tokoh intelektual seperti Tok Kenali, Abdullah Fahim, Sheikh Haji Muhammad Idris al-Marbawi, Haji Abdul Karim Amrullah (HAMKA), Hamzah Fansuri, Nuruddin Ar-Raniri, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ahmad Mohamed Ibrahim, Osman Bakar, Syed Muhammad Naquib Al-Attas adalah antara yang meninggalkan pengaruh besar ke dalam kerangka pemikiran orang Melayu. Bahkan masing-masing telah menyumbang dalam bidang ilmu tersendiri. Maka, dalam kertas kerja ini membincangkan secara konsep mengenai dua tokoh kontemporari Nusantara khususnya Malaysia iaitu Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim dan Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar.

Perbincangan

Profil tokoh

a) Profesor Ahmad Ibrahim

Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim merupakan tokoh perundangan yang bukan hanya disegani dan diiktiraf di Malaysia bahkan juga di peringkat antarabangsa. Beliau

dilahirkan pada 15 Mei 1916 di Singapura dan meninggal dunia pada 17 April 1999 (Mohd Badrol Awang 2011). Beliau dilahirkan dalam keluarga yang berpegang teguh kepada pegangan agama Islam, bahkan bapanya merupakan seorang doktor perubatan yang turut aktif dalam khimat sosial dan kemasyarakatan di Singapura (The patriots.asia). Beliau telah berkahwin dengan (Puan Sri) Salma binti Mohamed Tahir pada tahun 1942 dan dikurniakan cahaya mata seramai 10 orang.

Dari sudut pendidikan awal beliau ialah di Sekolah Victoria Bridge Singapura, Institusi Raffles, Singapura dan Kolej Raffles, Singapura (The patriots.asia). Dan seterusnya mendapat Ijazah Kelas Pertama dalam bidang ekonomi dan undang-undang di Cambridge University (Zulkifli Hasan). Dalam bidang undang-undang, beliau berguru dengan beberapa orang pakar undang-undang seperti S.J.Bailey dan Dr.Glanville Williams. Beliau turut memperolehi kelas pertama ketika menduduki peperiksaan Law Qualifying Examination pada tahun 1938, manakala pada tahun 1940 beliau mengambil peperiksaan bagi mendapatkan ijazah LLB. Seterusnya, beliau menjadi pakar bidang dalam undang-undang Inggeris, bahkan ketika di Cambridge, beliau telah mengikuti latihan guaman di Middle Temple, London sehingga melayakkannya menjadi seorang peguam. Pada 16 September 1946, beliau telah diterima sebagai peguambela dan peguamcara Melayu yang pertama. Ini jelas menunjukkan prinsip dan jiwa perundangan teguh dalam diri beliau sehingga beliau berjaya mencapai bidang ilmu yang diminati.

Kerjayanya dalam bidang Perundangan dan Kehakiman bermula pada tahun 1955 dengan memegang jawatan sebagai Majistret dan Hakim daerah. Pada tahun 1966, beliau menjadi peguam negara Singapura yang pertama setahun selepas memperolehi Doktor Perundangan daripada Universiti Singapura (infopedia.nlb.gov.sg). Beliau banyak menulis dan mengkaji mengenai perbandingan undang-undang sivil dan perundangan Islam. Keprihatinan beliau terhadap perundangan Islam terserlah apabila beliau sangat berminat untuk menaik taraf sistem perundangan Islam agar setaraf dengan Perundangan Sivil. Beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang sistem perundangan Islam dan meningkatkan pengurusan Mahkamah Syariah. Beliau juga pernah menjadi peguambela semasa perbicaraan Natrah yang hendak dimurtadkan di Singapura pada tahun 1950. Ahmad Ibrahim juga berjaya memisahkan bidangkuasa Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 121 (1A) pada tahun 1988.

Seterusnya, semasa hayat beliau telah dikurniakan pingat Johan Mangku Negara (J.M.N) daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1974. Pada tahun 1979, beliau dikurniakan pula Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara (D.M.P.N) oleh TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran Datuk dan pada tahun yang sama juga diberi pengiktirafan dari kerajaan Pakistan apabila dianugerahkan pingat Muhammad Iqbal. Beliau mendapat gelaran Tan Sri setelah dianugerahkan pingat P.S.M oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong (<http://www.iiu.edu.my/law/father.php>).

b) Profesor Osman Bakar

Tokoh seterusnya, Profesor Osman Bakar pula dilahirkan di Temerloh, Pahang pada tahun 1946, dan mendapat pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Beliau mempunyai minat di dalam sains dan matematik semasa di Kolej Melayu. Beliau telah melanjutkan pelajaran di luar negara dan pada tahun 1970, beliau mendapat ijazah sarjana muda dari *Woolwich Polytechnic, London University* dan kemudian kembali ke Malaysia dan bertugas sebagai seorang pengajar di Jabatan Matematik, UKM, Kuala Lumpur. Semasa beliau di tahun akhir peringkat ijazah sarjana muda di London, ketika itu beliau sudah mula meminati bidang falsafah. Beberapa bulan kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya semula di dalam bidang logik atau Algebra di bawah skim latihan

pensyarah university di *Bedford College, London University* dan mendapat ijazah sarjana sains pada tahun berikutnya. Minat beliau terhadap falsafah lebih berkembang lagi, dan pada masa yang sama juga minat terhadap keagamaan dan aspek kerohanian makin bertambah. Pada tahun yang sama, beliau meneruskan pengajian di peringkat doktor falsafah di Kolej yang sama di dalam *algebraic group theory* (www.worldwisdom.com).

Menurut Profesor Osman Bakar, walaupun beliau mengambil bidang algebra, tetapi minat beliau terhadap falsafah dan agama terlalu kuat, sehingga beliau mengambil keputusan untuk tidak meneruskan bidang matematik, tetapi menumpukan kepada bidang falsafah dan agama. Di peringkat ini, beliau tertarik dan mempunyai minat kepada agama dan falsafah, dan mula lebih membaca buku-buku yang berkaitan dengan pemikiran Islam dan falsafah Barat, dan tentang Islam berbanding dengan buku-buku berkaitan dengan algebra, khususnya hasil-hasil karya oleh pemikir Islam kontemporari dari Iran iaitu Seyyed Hossein Nasr dan sarjana zaman pertengahan juga dari Iran iaitu al-Ghazzali. Beliau mengakui bahawa hasil karya kedua-dua sarjana ini mempunyai pengaruh yang besar di dalam mempengaruhi daya keintelekualan beliau contohnya hasil karya al Ghazzali iaitu *Deliverance From Error* menyumbang kepada kefahaman tentang perspektif Islam berkaitan Islam dan sains, manakal hasil-hasil karya utama Nasr iaitu *Introduction to Islamic Cosmological Doctrines, The Enchounter of Man and Nature, Science and Civilization in Islam dan Ideas and Realities of Islam* mempunyai impak yang besar terhadap pemikiran falsafah beliau. Di London, tulisan imam al-Ghazzali dan Nasr, banyak mempengaruhi pemikiran beliau yang mana seorang merupakan sarjana Islam zaman silam (al-Ghazzali) dan seorang lagi sarjana masih hidup (Seyyed Hossein Nasr).

Beliau meminati bidang falsafah dan sains, dan oleh itu pada tahun 1970an, beliau menyebarkan bidang falsafah dan sains khususnya sewaktu beliau menjawat jawatan sebagai presiden (1971-1972) di dalam Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) di London. Oleh kerana beliau banyak menunjukkan keserasian antara al-Quran dan sains. Antara usaha yang beliau jalankan adalah dengan menghasilkan satu siri petikan ayat-ayat al-Quran yang serasi dengan sains, dan kemudian menghuraikan siri tersebut kepada para pelajar peringkat sarjana yang mempunyai kesedaran mendalam tentang Islam dan sains. Walaupun pada tahun 1973, beliau kembali bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Matematik, UKM dan mengajar kalkulus dan algebra, minat beliau mendalam terhadap agama dan sains telah mendorong beliau menyakinkan pihak pentadbiran akademik UKM untuk membenarkan beliau mengajar dua kursus yang berkaitan dengan sains dan agama, iaitu kursus sains di dalam tamadun Islam, dan agama dan falsafah sains di peringkat ijazah dasar. Rentetan dari ini, kursus yang berkaitan agama, falsafah dan sains diajar di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Osman Bakar juga turut terlibat secara langsung dengan institusi-institusi pengajian tinggi dalam mengajar kursus sejarah dan falsafah sains di Universiti Malaya pada tahun 1977. Beliau menjadi tenaga pengajar sepenuh masa dan coordinator untuk program sains komplementari. Selain mengajar sejarah sains Greek, India, Cina, Sains Islam dan Sains Barat pada zaman pertengahan, Osman Bakar juga memperkenalkan pelbagai kursus berkaitan falsafah sains seperti sains dan agama.

Semasa di UKM, beliau mengenali Naquib al-Attas, dan semasa mesyuarat persatuan kakitangan akademik, Naquib al-Attas telah mencadangkan Profesor Osman Bakar sebagai salah seorang ahli jawatankuasa persatuan ABIM. Beliau banyak berbincang dengan Naquib Al-Attas tentang falsafah dan tasawwuf, dan beliau mempunyai hubungan rapat terutama dalam pengislaman ilmu. Namun, Osman Bakar mengakui bahawa idea beliau tentang kedudukan sains di dalam tamadun Islam dan pembentukan pemikiran beliau lebih banyak dipengaruhi oleh karya-karya Nasr, dan beliau lebih awal mengenali tulisan Nasr berbanding tulisan Naquib al-Attas.

Pada Oktober 1981, beliau menyambung pelajaran ke *Temple University, Philadelphia* di peringkat Ijazah doktor falsafah di dalam bidang falsafah sains Islam di bawah penyeliaan Nasr dan ijazah sarjana di dalam perbandingan agama. Beliau menulis tesis yang bertajuk *Classification of the Sciences in Islamic Intellectual History: A Study in Islamic Philosophies of Science* yang juga berjaya diterbitkan dengan tajuk yang baru iaitu *Classification of Knowledge in Islam*, dan buku ini juga diterjemah ke bahasa Indonesia dan Parsi. Beliau juga pernah menjadi *Fullbright Visiting Scholar* di *Department of History of Science, Harvard University* sewaktu beliau membuat penyelidikan tentang matematik di dalam budaya Islam. Pada tahun 1995, beliau dilantik menjadi Timbalan Naib Canselor, UM dan menguruskan hal-hal berkaitan akademik dan sumber manusia. Pada tahun 2000, beliau bertukar ke Georgetown University, Washington DC sebagai penyandang kerusi *Malaysia Chair of Islam in Southeast Asia*.

Beliau telah menerima gelaran kehormat ‘Dato’ oleh Sultan Pahang pada tahun 1994 dan ‘Datuk’ oleh Raja pada tahun 2000. Osman Bakar juga pernah berkhidmat sebagai penasihat dan perunding kepada pelbagai organisasi dan institusi akademik dan professional antarabangsa, termasuk UNESCO dan Yayasan Qatar. Beliau telah berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya dari tahun 1995 hingga 2000. Selain itu, Professor Emeritus Osman Bakar termasuk dalam senarai 500 umat Islam paling berpengaruh di dunia pada tahun 2009 dan 2012.

Tokoh ini telah menerbitkan 22 buku dan lebih 300 artikel mengenai pemikiran dan tamadun Islam, khususnya mengenai falsafah dan sains Islam. Beliau juga giat dalam menterjemahkan karya asing ke dalam bahasa melayu seperti terbitan buku oleh Prof. Khurshid Ahmad, *Principles of Islamic Education* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Osman Bakar dengan judul prinsip-prinsip Pendidikan Islam dan diterbitkan oleh ABIM pada tahun 1974 dan diulang cetak pada tahun berikutnya. Beliau juga menulis mengenai Islam kontemporari dan dialog antara agama dan antara tamadun (Siddiq Fadzil 2011). Tulisannya juga telah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa.

Profesor Osman Bakar merupakan tokoh yang berpengaruh di dalam memperkembangkan sains Islam dan wacana intelektual tentang agama dan sains serta peningkatan terhadap pengajian antara agama, sejarah dan falsafah sains, dan sekiranya dilihat pengaruh serta impak pemikiran beliau, bukan sekadar terhad di peringkat nasional sahaja iaitu di Malaysia, tetapi juga mempunyai kesan kepada negara-negara Islam yang lain. Di Malaysia, beliau merupakan antara pengasas utama ASASI pada tahun 1977 yang memegang jawatan sebagai setiausaha organisasi tersebut (1977-1981) dan kemudian sebagai presiden (1987-1992).

Sumbangan Tokoh

a) Profesor Ahmad Ibrahim

Profesor Ahmad Ibrahim telah banyak memberi sumbangan terutamanya di dalam bidang akademik. Hampir sebahagian besar dalam kehidupan Profesor Ahmad berkhidmat sebagai seorang ahli akademik samada sebagai seorang pensyarah mahupun pentadbir akademik. Ini kerana ketika beliau di Singapura lagi telah dilantik sebagai pensyarah di Raffles College. Namun, penulis tidak dapat menjelaskan mengenai kursus yang diajar beliau di Raffles College kerana tidak memperoleh maklumat tersebut. Di Malaysia beliau sebenarnya telah ditawarkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Perdana Menteri ketika itu beberapa jawatan pentadbiran di kementerian. Khidmat Profesor Ahmad sebagai pensyarah telah menjadikan beliau seorang yang sangat dihormati oleh pelajar-pelajar mahupun rakan-rakan setugas. Boleh dikatakan rata-rata pelajar jurusan undang-undang di UM mengenali beliau walaupun setelah beliau berpindah ke UIAM.

Selain itu, pelajar-pelajar UIAM juga turut mengenali beliau sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1999. Pelajar-pelajar dari Jabatan Syariah UKM juga turut mengenali beliau kerana kursus undang-undang yang diajar adalah dari kalangan pensyarah UM secara sambilan.

Pengalaman beliau sebagai ahli akademik tidaklah hanya kursus kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Perkara ini merujuk kepada penulisan dan kursus yang diajar beliau di universiti. Namun begitu, dapat dilihat pada keseluruhan penulisan, beliau memfokuskan Undang-undang Islam khususnya undang-undang Keluarga dan juga undang-undang perlembagaan. Keprihatinan dan kesungguhan beliau terhadap perkembangan Undang-undang Islam telah memberi kesan positif terhadap Mahkamah-Mahkamah Syariah dari pelbagai sudut. Semasa beliau berkhidmat sebagai pensyarah di insititut-institut sama ada di Singapura atau Malaysia, beliau bukan sahaja mengajar tetapi turut merancang dan mengembangkan kursus yang ditawarkan. Oleh itu, tidak hairanlah beliau telah dilantik sebagai Dekan, Shaykh al-Kulliyyah, Timbalan Naib Canselor dan Timbalan Rektor.

Selain itu, beliau pernah beliau mengendalikan kes kontroversi Natrah atau Maria Hertogh iaitu sebagai peguambela bagi pihak ibu angkat Natrah (Kamariah). Beliau menjadi ahli Penggubal Undang-Undang (1952-1955). Pada 1955 menjadi hakim semula sebelum dilantik sebagai Timbalan Pendakwaraya pada 1956. Pada 1957, menjadi Pendakwaraya dan 1959 menjadi Peguamcara Negara. Pada tahun 1963, beliau dinaikkan pangkat menjadi Peguam Negara Singapura. Pada 1967, beliau dilantik sebagai Duta Singapura ke Mesir (1967-1968).

Profesor Ahmad juga pernah berkhidmat di Majlis Penasihat Syariah dan Badan Perunding Islam. Beliau telah dilantik menjadi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia selama satu penggal iaitu dari tahun 1997 sehingga 1999.

Sumbangan beliau dari sudut penulisan, adalah amat mengagumkan apabila mengetahui bahawa kebanyakan bahan ilmiah mengenai undang-undang syariah di Malaysia telah diperkenalkan atau diasaskan oleh Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim. Penerbitan Jurnal Hukum, Jurnal AlAhkam dan Journal of Malaysian and Comparative Law yang diterbitkan pada tahun 1974 merupakan hasil usaha beliau yang tiada tolok bandingnya. Beliau telah mempelopori penulisan dalam bidang syariah dan bahasa Malaysia tatkala kebanyakan pengamal undang-undang mahupun ahli akademik lebih berminat untuk menulis dalam bidang undang-undang sivil dan bahasa Inggeris.

Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Istilah Undang-undang, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pengerusi Jawatankuasa Buku Undang-undang, pengasas kepada Jurnal Hukum iaitu jurnal yang melaporkan kes-kes berkaitan keputusan Mahkamah Syariah dan beliau merupakan penasihat dan juga editor Jurnal Hukum. Selain itu, beliau juga menjadi penasihat editorial bagi Malayan Law Journal, Kanun, IIUM Law Journal, IKIM Law Journal dan banyak lagi. Profesor Ahmad juga turut menjadi Hakim Mahkamah Rayuan bagi Mahkamah Syariah dan telah memutuskan sejumlah kes Mahkamah Syariah, sebahagian anggota Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sehingga akhir hayat beliau, ahli panel penggubal Enakmen Undang-Undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada tahun 1991.

Tambahan lagi, beliau turut mencadangkan penggubalan Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang memberi peruntukan menghalang Mahkamah Sivil untuk masuk campur di dalam urusan Mahkamah Syariah pada tahun 1988. Beliau telah berjaya memartabatkan Mahkamah Syariah ke tahap yang lebih tinggi supaya Mahkamah Syariah dilihat setaraf dengan Mahkamah Sivil.

b) Profesor Osman Bakar

Profesor Osman Bakar pula berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor atau Naib Presiden Akademik dan merupakan pemegang pertama Pengerusi Falsafah Sains di Universiti Malaya (Kuala Lumpur), jawatan yang dipegang beliau sehingga tahun 2001. Beliau adalah salah seorang ahli pengasas dan juga berkhidmat sebagai Presiden Akademi Sains Islam Malaysia. Kepentingan penyelidikannya termasuk Islam Asia Tenggara, khususnya Islam Malaysia-Indonesia, pemikiran Islam kontemporari, dan agama dan sains dalam konteks Islam, baik klasik maupun moden. Terdapat banyak karya penulisannya telah muncul dalam banyak jurnal, bab dalam pelbagai buku, dan dalam ensiklopedia Klasifikasi Pengetahuan dalam Islam, Tawhid dan Sains, dan Dialog Perdamaian, antara lain, telah diterjemahkan ke dalam bahasa Albania, Arab, Cina, Inggeris, Perancis, Indonesia, Persia, Sepanyol, Turki, dan Urdu.

Pada tahun 1994, beliau dianugerahi gelaran kehormat "Dato" oleh Sultan Pahang dan oleh Raja Malaysia pada tahun 2000. Profesor Osman Bakar telah menerima pengiktirafan tambahan untuk kerja-kerja beliau, termasuk Scholar Pelawat Fulbright di Harvard University. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai perunding kepada pelbagai agensi seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan UNESCO.

Selain itu, Profesor Osman Bakar adalah Pengerusi Islam Malaysia di Asia Tenggara, Pusat Pemahaman Muslim-Kristian dan merupakan ahli Majlis Akademik Pusat (sebahagian daripada Sekolah Perkhidmatan Asing), di mana beliau mengajar kursus mengenai Kontemporari Islam di Tenggara Asia, Agama dan Sains dalam Islam, dan Dialog Tamadun.

Sebahagian Karya Tokoh

a) Profesor Ahmad Ibrahim

Profesor Ahmad banyak menghasilkan karya penulisan antaranya dalam bidang perundangan dan juga bidang lain yang terdiri daripada artikel dan buku. Buku pertama yang beliau tulis adalah pada November 1948 dengan tajuk, *Melalui Dua Simpang* yang diterbitkan oleh K.B. Press, Singapura. Buku ini merupakan ulasan beliau mengenai karangan Muhammad Asad yang bertajuk *Islam at the Crossroad* yang menceritakan tentang kedudukan Islam yang tinggi berbanding penulisan lain yang hanya meletakkan Islam sama aras dengan tamadun barat. Profesor Ahmad bersetuju dengan pandangan Muhammad Asad yang mengkritik pengaruh barat yang dibawa masuk ke dalam masyarakat timur. Beliau tidak senang apabila materialism mula mempengaruhi cara hidup masyarakat Islam yang pada asalnya begitu tenang dan murni. Menurut beliau, amat rugi bagi anak-anak Melayu yang menerima pendidikan barat berubah menjadi kalangan yang lupa diri dan asal usul. Selain itu, buku ini sebenarnya suatu tamparan hebat kerana ditulis oleh seorang yang meraih kejayaan amat cemerlang dalam pendidikan (Inggeris) dan juga seorang pensyarah Raffles College (Ahmad Ibrahim 2011).

Seterusnya Profesor Ahmad turut menulis artikel tentang Syariah yang diterbitkan pada tahun 1937 bertajuk, "Islam and the Political World of Today" di dalam *Majalah Genuine Islam*. Selepas buku sulung beliau dikeluarkan, Profesor Ahmad telah berjaya menulis sebuah buku yang bertajuk *Universiti di Malaya (Kertas Kerja National Congress On Islamic Banking And Finance 1996)*. Buku ini ditulis atas permintaan rakyat Singapura yang ketika itu mengalami konflik kerana usul penubuhan sebuah Universiti di Malaya tidak diterima oleh masyarakat Melayu (Ahmad

Ibrahim 1965). Golongan yang bersetuju pula beranggapan ia amat penting terhadap kaum Melayu. Golongan yang tidak bersetuju pula beranggapan ia akan merendahkan darjah universiti tersebut dan kalangan yang masuk ke universiti tersebut golongan bukan Melayu ini kerana ketika itu kewangan dan kebolehan anak-anak Melayu amat rendah berbanding kaum bukan Melayu.

Profesor Ahmad telah mula melibatkan diri dalam dunia penulisan seawal tahun 40-an dan diterbitkan dalam majalah *Malayan Law Journal* pada tahun 1941. Terdapat dua rencana yang ditulis beliau iaitu *Proof of Muslims Law in the F.M.S* dan *Kidnapping of Muslim Girls*. Selain itu pada usia 50-an, Profesor Ahmad juga telah menulis artikel *Evidence of Similar Acts, The Syariah Court dan Review of Muslim Law as Administered in India and Pakistan*. Terdapat banyak penghasilan penulisan beliau dalam jurnal iaitu pada tahun 70-an beliau telah menghasilkan sebanyak 67 tajuk makalah. Manakala pada tahun 80-an pula, beliau dapat menghasilkan sebanyak 57 makalah. Terdapat satu kajian mencatatkan bahawa penerbitan makalah Profesor Ahmad berjumlah 229 buah.

Buku-buku yang dihasilkan oleh beliau telah menghasilkan sebanyak 30 buah buku dalam pelbagai bidang tetapi lebih tertumpu kepada bidang perundangan. Buku-buku beliau banyak membincangkan mengenai isu-isu perundangan antaranya ialah *The Status of Muslims Women in Family Law in Malaya, Singapore and Brunei, Islamic Law in Malaya and Singapore, Family Law in Malaya and Singapore dan The Malaysian Legal System*. Selain daripada buku dan artikel, beliau juga turut menghasilkan tidak kurang daripada 95 buah kertas kerja dengan pelbagai tajuk.

b) *Profesor Osman Bakar*

c) Berikut antara sebahagian karya Profesor Osman Bakar

No.	Tahun	Judul
1.	1991	<i>The History and Philosophy of Islamic Science</i> . Islamic Texts Society, Cambridge (UK) 1999; 1991 edition published by Secretariat for Islamic Philosophy and Science, Science University of Penang and Nurin Enterprise, Kuala Lumpur under the title <i>Tawhid and Science</i> .
2.	1992	<i>Classification of Knowledge in Islam</i> . Islamic Texts Society, Cambridge (UK) 1998; 1992 edition published by Institute for Policy Studies, Kuala Lumpur.
3.	1992	(ed.). <i>Science, Technology, and Art in Human Civilizations</i> . University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1992. (in Malay).
4.	1989	(ed.). <i>Islam and Contemporary Scientific Thought</i> . Islamic Academy of Science, Kuala Lumpur, 1989. (in Malay).
5.	1994	Persoalan Mengenai Kaedah dalam Sains Islam, dlm., Baharudin Ahmad (pngr.), <i>Falsafah Sains Islam Daripada Perspektif Islam</i> , Kuala Lumpur: DBP.
Ensiklopedia		
6.	1995	“Cosmology” in John L. Esposito (ed.), <i>Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World</i> , vol. 1(1995), pp. 322-328.
7.	1995	“Abortion: Islamic Perspectives” in Warren Thomas Reich (ed.), <i>Encyclopedia of Bioethics</i> , rev. edition, vol. 1(1995), pp. 38-42.

8.	1994	Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid, Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.), <i>Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam</i> , Kuala Lumpur: DBP.
9.	1996	“Science (as a Branch of Philosophy)” in S.H. Nasr & O. Leaman (eds.), <i>History of Islamic Philosophy</i> , Routledge History of World Philosophies, vol. II, chapter 53, pp. 926-958.
10.	1994.	“Knowledge of Divine Unity (tawhid) on the Basis of Scientific Knowledge,” Ismail Ibrahim & Mohd Sahri Abdul Rahman (eds.), <i>Knowledge and Excellence in Islamic Perspective</i> , Institute of Islamic Understanding (IKIM), Kuala Lumpur, pp. 1-9.
Jurnal		
11.	1996	“Truth and Wisdom in a Holistic Concept of Knowledge,” <i>Pemikir</i> , no. 3, Jan-March 1996, pp. 100-112. (In Malay).
12.	1994	“The Common Philosophical Foundation of Traditional Medicines,” <i>Sophia</i> , Winter 1994, no. 6, pp. 1-4.
14.	2001	“Perspektif kosmologi tasawuf dalam pemikiran kosmologi Melayu” dlm. <i>Kosmologi Melayu</i> . Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
15.	2008	Pengaruh Globalisasi Terhadap Perbankan
16.	2008	Cultural Symbiosis and The Role Of Religion in the Contemporary World: An Islamic Perspective.
17.	2014	The Human Person: Challenges For Religion, Science and Governance and Prospects for common Responses.
18.	2009	Ibn Khaldun's legacy and its significance: proceedings international conference.

Antara teori dalam karyanya yang popular, Osman Bakar menganggap sains moden didirikan berdasarkan anggapan dan kesimpulan yang tidak sama dengan sains tradisional, dan hanya berdasarkan tamadun Barat yang memisahkan dirinya daripada pengaruh keagamaan dan falsafah. Oleh itu, bagi mengelakkan sains terus terikut dengan budaya sains Barat, Osman Bakar menganjurkan pemeliharaan tradisi spiritual perlu diteruskan seperti dalam tradisi Islam (Osman Bakar et al 1992).

Menurut Osman Bakar, sains bukan sahaja melibatkan pemerhatian dan eksperimen seperti sains moden, tetapi memerlukan pemikiran logik, analisis matematik dan interpretasi rasional kitab agama. Oleh itu, ilmu mempunyai banyak sumber dan menggunakan pendekatan yang pelbagai. Walau bagaimanapun sains tersebut haruslah berguna dan mempunyai kepentingan untuk peningkatan kehidupan dan kefahaman tentang alam ini serta menuju ke arah kesempurnaan rohani yang menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat (Osman Bakr 2016).

Selain itu, beliau menganggap pengislaman sama dengan pengtauhidan, iaitu proses menjadikan idea dan ilmu sejajar dengan prinsip tauhid, yang merupakan peringkat idea. Pada peringkat praktis pula, ilmu perlulah selaras dengan amalan syariah. Apabila dikaitkan dengan al-Quran, Osman Bakar tidak melihat bahawa al-Quran hanya merupakan buku sains, tetapi juga menyediakan prinsip sains yang sentiasa dihubungkan dengan ilmu metafizik dan kerohanian. Dalam usaha memahami alam ini, al-Quran menawarkan banyak sumber yang boleh dirujuk bagi membantu mengetahui dan memberikan panduan kepada manusia untuk mengenali alam ini.

Di samping itu, teorinya dalam peradaban Islam dengan mengaitkan semangat globalisme yang sudah ditiupnya ke segenap penjuru dunia. Semangat inilah yang telah memungkinkan Islam menjadi pengasas penulisan sejarah dunia, ilmu perbandingan agama, sosiologi, tradisi sains sejagat, institusi saintifik bertaraf “antarabangsa” dan penggembaraan dunia. Tanpa teras semua amalan yang berdimensi global ini, sudah pasti kemajuan dunia dan proses globalisasi di zaman-zaman berikutnya lebih perlahan.

Di samping mempunyai semangat globalisme, Islam juga mempunyai institusi yang berperanan besar dalam meniupkan roh globalisasi di sepanjang zaman. Institusi haji merupakan agen terpenting globalisasi dalam peradaban Islam. Ia menggerakkan globalisasi dalam berbagai-bagai bidang termasuklah globalisasi maklumat, ilmu pengetahuan dan globalisasi politik. Oleh kerana institusi ini kekal sifatnya, maka peranannya sebagai agen terpenting globalisasi dalam Islam juga berkekalan. Hari ini pun, pada ketika dunia Islam tidak bermaya menghadapi cabaran globalisasi kontemporari, institusi hajilah satu-satunya institusi yang dapat menjamin semangat globalisme akan terus dihayati oleh dunia Islam (Osman Bakar 2008).

Manakala teori Osman Bakar dalam isu kajian ketamadunan Islam di alam melayu di mana beliau berpendapat keperluan dalam mencari intipati dan kandungan warisan karya moral ulama Melayu sangat penting bagi menangani masalah masyarakat semasa. Kisah yang diceritakan mengenai masyarakat Melayu zaman silam melalui karya moral ulama Melayu-Islam ini mempunyai formula yang cukup tuntas bagi menghadapi isu polarisasi kaum di Malaysia. Hal ini mula disadari oleh masyarakat Barat yang dilihat telah berhadapan dengan permasalahan perkauman yang cukup kronik (Rahimin Affandi Abd.Rahim 2010).

Kesimpulan

Kedua-dua tokoh ini merupakan yang banyak memberi sumbangan untuk negara iaitu Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim dan Profesor Osman Bakar mereka merupakan insan luar biasa yang sukar dicari ganti dan telah mencurahkan sepenuhnya bakti dan jasa kepada negara dan agama melalui penulisan dan pemikiran pada hari ini. Sebagai contoh jasa Allahyarham Ahmad Ibrahim sepanjang hayatnya secara langsung atau tidak langsung sama ada dalam bentuk idea, Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan, ahli Majlis Penasihat Syariah, program akademik, penulisan, pengajaran dan bimbingan telah membuahkan kejayaan dan memberikan sumbangan untuk memenuhi keperluan sektor perbankan Islam terutamanya dari aspek infrastruktur undang-undang dan syariah termasuk modal insan yang berpengetahuan. Dari aspek pemikiran beliau terhadap pelaksanaan sistem perbankan Islam, kecintaan kepada ilmu, pendekatan secara berhikmah dan bersederhana diaplikasikan.

Manakala Profesor Osman Bakar pula telah banyak menghasilkan karya beliau yang telah muncul dalam banyak jurnal, bab dalam pelbagai buku, dan dalam ensiklopedia. Buku-buku, Klasifikasi Pengetahuan dalam Islam, Tauhid dan Sains, dan Dialog Perdamaian, antara lain, telah diterjemahkan ke dalam bahasa Albania, Arab, Cina, Inggeris, Perancis, Indonesia, Parsi, Sepanyol, Turki, dan Urdu selain itu, beliau juga telah menerima pengiktirafan tambahan untuk kerja-kerja beliau, termasuk Scholar Pelawat Fulbright di Harvard University. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai perunding kepada pelbagai agensi seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan UNESCO disini dapatlah kita simpulkan kedua-dua tokoh tersebut harus lah menjadi contoh dan pemangkin semangat anak muda untuk mencontohi kedua tokoh yang hebat ini.

Rujukan

- Ahmad Ibrahim “*Legal Framework f Islamic Banking in Malaysia*”, (1997) Jurnal Undang-undang IKIM. Vol.1 (1).
- Ahmad Ibrahim. 1965. *Islamic law in Malaya*. Singapore: MSRI
<http://www.iiu.edu.my/law/father.php>
- Kertas kerja “*National congress on Islamic banking and finance*” pada 2 disember 1996 anjuran *bimb institute of research and training sdn bhd and association of interest-free banking institutions Malaysia*.
- Mohd. Badrol Awang (2011). Ahmad Ibrahim dan Reformasi Pengajian Undang-undang Islam di Malaysia. Dalam KANUN, hlm.40-60.
- Osman Bakar dan Azizah Hamzah, 1992, *Sains, Teknologi, Kesenian dan Agama*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Osman Bakar. 2008. Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban. Universiti Malaya.
- Osman Bakar. 2016. Science and Technology for Mankind’s Benefit: Islamic Theories and Practices – Past, Present, and Future. *Islamic Perspectives on Science and Technology*.
- Osman Bakar’s Life and Work (2019) : <http://www.worldwisdom.com/public/authors/Osman-Bakar.aspx>. Akses pada 9 Oktober 2019
- Prof. Ahmad Ibrahim: Tokoh Perundangan Islam di Malaysia dan Singapura: <https://www.thepatriots.asia/prof-ahmad-ibrahim-tokoh-perundangan-islam-di-malaysia-dan-singapura/> . Akses pada 8 Oktober 2019.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2010. Impak genre orientalisme dalam tamadun Islam: Analisis terhadap perkembangan semasa. *Jurnal Sejarah*.
- Siddiq Fadzil. (2011). Intelektualisme Abim: Menelusuri Jejak Kecendekiawanan Generasi Perintis. ABIM.
- SingaporeInfopedia (2019) http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_529_2005-01-07.html?s=ahmad%20ibrahim. Akses pada 8 Oktober 2019.
- Zulkifli Hasan (tt). Ahmad Ibrahim (1916-1999) Sumbangan dan Pemikirannya di dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia. Hlm.1-18